



CUKAI BARANG & PERKHIDMATAN

**PANDUAN CBP
KE ATAS
PENGANGKUTAN BARANG**

KANDUNGAN

Pengenalan	1
PELAKSANAAN CBP SECARA UMUM	
GAMBARAN KESELURUHAN BERKENAAN PENGANGKUTAN BARANG.....	2
LAYANAN CBP KE ATAS PENGANGKUTAN BARANG	4
Pengangkutan Barang Antarabangsa.....	4
Pengangkutan barang domestik	6
Perkhidmatan Sokongan.....	111
SOALAN-SOALAN LAZIM	12
MAKLUMAT TAMBAHAN BERKENAAN CBP	16
GLOSARI	166

PENGENALAN

1. Panduan ini menyediakan secara terperinci layanan pengangkutan barang di bawah Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP). Adalah disyorkan supaya anda membaca Panduan Am CBP sebelum membaca panduan ini kerana anda terlebih dahulu perlu memahami konsep-konsep umum CBP.
2. Sebagai tambahan kepada Panduan Am CBP, rujukan juga boleh dibuat kepada panduan berikut:
 - (i) Panduan Industri Perkapalan
 - (ii) Panduan Industri Penerbangan
 - (iii) Panduan Pengangkutan Penumpang, dan
 - (iv) Panduan Perkhidmatan Mel atau Pos dan Kurier

PELAKSANAAN CBP SECARA UMUM

3. CBP adalah merupakan cukai berperingkat yang dikenakan ke atas penggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua bekalan barang dan perkhidmatan di dalam Malaysia melainkan yang dikecualikan secara spesifik. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.
4. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat-peringkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai dibayar sepanjang rantai pengeluaran dan pendedaran, ia akhirnya ditanggung oleh pengguna akhir. Oleh itu, cukai itu sendiri bukan merupakan satu kos kepada perantara dan tidak kelihatan sebagai item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.
5. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dikenali sebagai orang yang berdaftar. Orang yang

berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP(cukai output) ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Beliau dibenarkan untuk menuntut kredit cukai ke atas CBP yang dikenakan(cukai input) ke atas pembelian input kepada perniagaannya. Oleh itu, mekanisme ini akan mengelakkan berlakunya cukai dua kali dan hanya nilai ditambah pada setiap peringkat dikenakan cukai.

GAMBARAN KESELURUHAN BERKENAAN PENGANGKUTAN BARANG

6. Perkhidmatan pengangkutan barang adalah bekalan perkhidmatan mengangkut/memindahkan barang sama ada melalui laut dan perairan dalaman, rel, jalanraya atau udara dengan menggunakan pelbagai jenis pengangkutan seperti kapal, kereta api, trak (termasuk lori) atau pesawat udara.

Contoh 1:

MASkargo menyediakan pengangkutan barang apabila ia membawa pokok-pokok yang hidup dari Malaysia untuk ditanamkan di suatu tempat di Timur Tengah.

Contoh 2:

Pos dan syarikat kurier menyediakan pengangkutan barang apabila mereka membawa dan menghantar mel atau dokumen kepada pelanggannya di seluruh dunia.

Contoh 3:

Pemilik kapal membenarkan ABC Sdn. Bhd. menggunakan keseluruhan kapalnya untuk membawa kargo pukal. Pemilik kapal itu tidak membuat pembekalan pengangkutan barang. Dia menyediakan pembekalan sewa kapal kepada ABC Sdn. Bhd. yang adalah pembekalan perkhidmatan.

Contoh 4:

ABC Sdn. Bhd. adalah penyewa kapal, memeterai kontrak dengan pelanggannya untuk membawa bahan kimia dari Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Busan, Korea Selatan. ABC Sdn. Bhd. membuat pembekalan pengangkutan barang kepada pelanggannya.

Contoh 5:

KTM Bhd. menyediakan pengangkutan penumpang dari Butterworth ke Kuala Lumpur setiap hari melalui perkhidmatan Express Sinaran / Senandung. Ia juga menyediakan perkhidmatan kurier melalui Kiriman Express dan dokumen kurier dibawa di atas keretapi penumpang itu.

- *KTM Bhd. membekalkan kedua-dua jenis pengangkutan iaitu pengangkutan barang dan pengangkutan penumpang. Sila rujuk Panduan CBP berkenaan Pengangkutan Penumpang untuk maklumat lanjut.*

Contoh 6:

Pelanggan membuat pesanan piza untuk dihantar ke rumah.

- *Perkhidmatan penghantaran piza hanyalah sampingan kepada pembekalan piza. Maklumat lanjut mengenai jenis pembekalan bagi keadaan ini boleh diperolehi dalam Panduan GST berkenaan Pembekalan.*

7. Bagi tujuan GST pengangkutan barang adalah tidak termasuk perkhidmatan sokongan seperti memuat, memunggah dan mengendalikan barang. Sila rujuk Glosari untuk senarai perkhidmatan pengendalian.

LAYANAN CBP KE ATAS PENGANGKUTAN BARANG

8. Layanan CBP ke atas pengangkutan barang bergantung kepada jenis pengangkutan barang iaitu sama ada ia adalah pengangkutan barang antarabangsa atau pengangkutan barang domestik.

Pengangkutan Barang Antarabangsa

9. Untuk tujuan CBP, pengangkutan barang antarabangsa bermaksud perkhidmatan:

- (a) pengangkutan barang dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;
- (b) pengangkutan barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di dalam Malaysia; atau
- (c) pengangkutan barang dari luar Malaysia ke tempat lain di luar Malaysia.

10. Istilah "dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia" merujuk kepada tempat eksport di Malaysia kepada mana-mana tempat di negara lain.

11. Istilah "dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di dalam Malaysia" merujuk kepada mana-mana tempat di negara lain ke suatu tempat pengimportan di Malaysia.

Contoh 1:

Syarikat ABX mengilang pasu seramik di Seremban dan mengeksportnya ke Eropah melalui KLIA. Pasu yang telah dibungkus dengan cermat itu diangkut dari kilang di Seremban ke KLIA menggunakan trak berkontena.

- *Pengangkutan pasu dari KLIA ke Eropah adalah pengangkutan barang antarabangsa.*

Contoh 2:

Syarikat Perabut Sdn. Bhd. mengilang perabot di Ipoh. Perabot di eksport ke Dubai melalui Terminal Kargo Ipoh (ICT). Perkhidmatan pengangkutan dari ICT ke Dubai adalah perkhidmatan pengangkutan antarabangsa.

Contoh 3:

Syarikat JKL di Kuala Lumpur mengimport kain sutera dari Korea Selatan. Kain tersebut dihantar melalui kapal dari Busan yang singgah di Pelabuhan Kuching dan Pelabuhan Singapura sebelum ianya mendarat di Pelabuhan Klang. Kain itu kemudiannya dihantar dengan lori ke gudang Syarikat JKL di Rawang.

- *Perjalanan dari Busan ke Pelabuhan Klang adalah pengangkutan barang antarabangsa.*
- *Manakala perjalanan dari Pelabuhan Klang ke gudang Syarikat JKL di Rawang adalah pengangkutan barang domestik.*

12. Perkhidmatan pengangkutan yang berasal dan berakhir di luar Malaysia dianggap pengangkutan barang antarabangsa, walaupun barang tersebut melalui Malaysia.

Contoh 4:

Di bawah perjanjian khas, XYZ Sdn. Bhd. membawa ikan segar dan barang lain mudah rosak dalam kontena sejuk beku dari Bangkok ke Singapura menggunakan lebuhraya PLUS.

- *XYZ Sdn. Bhd. membekalkan pengangkutan barang antarabangsa.*

Pengangkutan barang domestik

13. Pengangkutan barang domestik adalah perkhidmatan mengangkut barang dari satu tempat di dalam Malaysia ke suatu tempat lain dalam Malaysia. Kedua-dua tempat asal dan tempat destinasi adalah berada dalam Malaysia.

Contoh 1:

Encik. Ali telah ditukarkan dari Putrajaya ke Kuching. Beliau mendapatkan perkhidmatan Pindah Sdn. Bhd. untuk memindahkan barang rumahnya menggunakan lori dari rumahnya ke KLIA di mana barang tersebut diangkut ke Kuching oleh MASkargo.

- *Kereta Encik Ali telah diangkut dari Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Kuching oleh kapal MV Alamanda yang telah singgah di Pelabuhan Singapura untuk menurunkan barang pelanggan yang lain.*
- *Perkhidmatan yang disediakan kepada Encik Ali oleh Pindah Sdn. Bhd., MASkargo dan MV Alamanda adalah pengangkutan barang domestik.*

Contoh 2:

Dalam contoh di atas, Encik Ali membawa satu beg pakaian yang dibenarkan sebagai bagasi tangan manakala se kotak buku-buku rujukan telah dimuatkan sebagai kargo.

- *Bagasi tangan dan buku-buku rujukan tidak dianggap sebagai pengangkutan barang tetapi menjadi sebahagian daripada pengangkutan penumpang.*

Contoh 3:

XYZ Sdn. Bhd. menghantar alat ganti kereta menggunakan bas ekspres dari Puduraya ke premis anak syarikatnya di Alor Setar.

- *Bas ekspres menyediakan pengangkutan penumpang. Walau bagaimanapun, dalam contoh ini, mengangkut komponen alat ganti kereta oleh syarikat bas ekspres merupakan pembekalan pengangkutan barang.*

Contoh 4:

PQR Sdn. Bhd. menghantar sayur-sayuran dan hasil produk segar dengan trak dari sebuah ladang di Miri kepada pemborong di Kota Kinabalu. Perjalanan dari Miri ke Limbang melalui beberapa wilayah Brunei.

- *Pengangkutan yang disediakan sebahagiannya di luar Malaysia tetapi kedua-dua tempat asal dan tempat destinasi adalah dalam Malaysia. Oleh itu, ia adalah pengangkutan barang domestik.*

Contoh 5:

Sebuah syarikat pengurusan pengebumian mengambil perkhidmatan Syarikat KLM untuk menyediakan perkhidmatan kereta jenazah dari rumah urus jenazah ke tanah perkuburan.

- *Syarikat KLM adalah dianggap sebagai membekalkan perkhidmatan pengangkutan barang domestik kepada syarikat pengurusan pengebumian itu.*
- *Walau bagaimanapun jika syarikat pengurusan pengebumian itu sendiri menyediakan pengangkutan jenazah, ia menjadi sebahagian daripada perkhidmatan pengebumian yang dibekal dan tidak dianggap sebagai perkhidmatan yang berasingan.*

14. Pengangkutan domestik ialah suatu pembekalan bercukai dan tertakluk kepada GST pada kadar standard. Walau bagaimanapun, bekalan perkhidmatan pengangkutan domestik boleh dikenakan CBP pada kadar sifar jika perkhidmatan tersebut dibekalkan oleh pembekal yang sama yang membekalkan pengangkutan antarabangsa.

Contoh 6:

Hotel ABC Shah Alam mengimport tiram segar dari Australia dengan kargo udara ke KLIA menggunakan perkhidmatan MASkargo. Selepas pelepasan kastam, pihak hotel melantik CDE Sdn. Bhd. untuk mengangkut tiram dari KLIA ke Shah Alam dengan menggunakan trak sejuk beku.

- *Pembekalan pengangkutan barang dengan kargo udara oleh MASkargo untuk Hotel ABC adalah berkadar sifar.*
- *Pembekalan mengangkut menggunakan trak sejuk beku oleh CDE Sdn. Bhd. untuk Hotel ABC adalah berkadar standard.*

Contoh 7:

Berdasarkan contoh di atas, Hotel ABC memutuskan untuk melantik KM Bhd. bagi mengendalikan pengimportan tiram

sehinggalah ke premis hotel. KM Bhd. menguruskan tempahan pengangkutan udara dari MASkargo, mengisytiharkan dan membayar duti import serta menghantar tiram tersebut ke Hotel ABC menggunakan trak sejuk bekunya sendiri. Untuk penghantaran kedua tiram, trak sejuk bekunya rosak dan ia telah menggunakan perkhidmatan CDE Co. untuk menghantar tiram itu ke Hotel ABC.

- Pembekalan pengangkutan barang melalui udara oleh MASkargo untuk KM Bhd. adalah berkadar sifar.
- Pembekalan perkhidmatan oleh KM ke Hotel ABC untuk penghantaran pertama adalah berkadar sifar yang merangkumi perkhidmatan trak sejuk beku.
- Untuk penghantaran kedua, pembekalan oleh Syarikat CDE Co. kepada KM Bhd. adalah berkadar standard. Walau bagaimanapun, pembekalan perkhidmatan pengangkutan oleh KM Bhd. untuk Hotel ABC adalah kekal berkadar sifar.

Contoh 8:

DP Sdn. Bhd. diamanahkan untuk memperoleh, mengimport, menyimpan dan menguruskan penghantaran pelbagai alat ganti untuk pengilang automotif AM Bhd. Alat-alat ganti diimport dengan kapal atau pengangkutan udara tetapi disimpan di gudang DP Sdn. Bhd. sebelum dihantar ke kilang automotif apabila diperlukan (on a just-in-time basis).

- Pembekalan perkhidmatan pengangkutan alat ganti dari luar negara ke gudang DP Sdn. Bhd. adalah berkadar sifar.

- *Jika DP Sdn. Bhd. diperlukan untuk menghantar alat ganti itu daripada gudang DP Sdn. Bhd. ke cawangan AM Bhd., maka ia adalah pembekalan pengangkutan barang domestik dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*
- *Walau bagaimanapun, jika alat ganti dihantar terus semasa pengimportan ke cawangan-cawangan AM Bhd. di atas permintaan AM Bhd., maka pembekalan pengangkutan tersebut adalah berkadar sifar.*

Contoh 9:

Merujuk kepada contoh di atas, DP Sdn. Bhd. juga dikehendaki untuk menguruskan pengeksportan kereta yang dikeluarkan oleh kilang AM Bhd. di Gambang, Kuantan ke UK. Untuk pengeksportan, DP Sdn. Bhd. memeterai kontrak dengan sebuah syarikat pengangkutan automotif untuk mengangkut kereta dari kilang di Gambang ke Pelabuhan Kuantan. Seorang ejen perkapalan tempatan mengatur kapal 'feeder' untuk membawa kereta ke Pelabuhan Tanjung Pelepas sebelum sebuah vesel utama milik tempatan memuatkan kereta itu untuk dihantar ke UK.

- *Pembekalan pengangkutan dari Gambang ke UK yang disediakan oleh DP Sdn. Bhd. kepada AM Bhd. adalah berkadar sifar.*
- *Perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh syarikat pengangkutan automotif dan kapal tempatan kepada DP Sdn. Bhd. adalah berkadar standard.*
- *Bekalan pengangkutan laut ke UK adalah berkadar sifar.*

Perkhidmatan Pengangkutan Sokongan

15. Perkhidmatan pengangkutan sokongan dan yang berkaitan adalah diberi layanan berasingan dari pembekalan pengangkutan barang. Jika pembekalan pengangkutan barang berkadar sifar, ia tidak bermakna bahawa mana-mana perkhidmatan pengangkutan sokongan dan yang berkaitan dengan pembekalan tersebut juga akan berkadar sifar.

16. Perlu diambil perhatian bahawa apa-apa perkhidmatan sampingan atau sokongan disediakan atau dibekalkan berhubung suatu pengangkutan barang adalah tidak terus boleh dianggap sebagai menjadi sebahagian dari perkhidmatan pengangkutan barang itu.

17. Liabiliti CBP ke atas pembekalan perkhidmatan sokongan bergantung ke atas siapa yang membuat pembekalan dan di mana perkhidmatan itu dibekalkan atau dilaksanakan.

Contoh 1:

Barang yang diangkut oleh XT Sdn. Bhd. adalah dipunggah ke yad kontena pelabuhan sebelum disimpan ke dalam gudang berlesen oleh pengendali pelabuhan.

- *Caj perkhidmatan pemunggaran, pengangkutan ke gudang berlesen dan penyimpanan di gudang berlesen dikenakan GST pada kadar sifar jika ia disediakan oleh pengendali pelabuhan.*

Contoh 2:

Pengeksport melantik ejen penghantar untuk mengurus pengeksportan barangnya. Ejen penghantar berurusan dengan ejen perkapalan untuk tempahan ruang (fret) di atas kapal, memuatkan barang dan pelepasan kastam.

- *Perkhidmatan yang diuruskan oleh ejen penghantar bagi pengeksporth adalah berkadar standard.*

Contoh 3:

Merujuk kepada contoh di atas, ejen penghantar itu telah mengembangkan perniagaannya dengan menyediakan pengurusan logistik. Beliau memiliki dan mengendalikan satu kumpulan lori dan menyewa kapal untuk menawarkan perkhidmatan pengangkutan barang kepada pelanggan-pelanggannya bagi mengeksporth barang mereka.

- *Ejen penghantar itu kini adalah seorang yang berhak menyediakan perkhidmatan pengangkutan barang antarabangsa. Mengikuti contoh di atas, perkhidmatan yang dibekalkan olehnya melalui pemunggahan barang dan pelepasan kastam adalah berkadar sifar.*

SOALAN-SOALAN LAZIM

Q1. Adakah terdapat layanan khas bagi barang yang diangkut dengan kapal feri?

A1. Pengangkutan barang termasuk kenderaan tanpa diiringi pemandu yang diangkut dengan feri atau baj adalah berkadar standard. Walau bagaimanapun, bagi kenderaan yang diiringi oleh penumpang yang membayar tambang dan memandu kenderaan tersebut, perkhidmatan pengangkutan itu dianggap sebagai pengangkutan penumpang

Contoh :

Encik Abu memiliki sebuah bilik pameran kereta di Bukit Jambul, Pulau Pinang. Dia membawa beberapa model baru Proton dengan feri dari Butterworth.

- *Pengangkutan kereta baru Proton adalah berkadar standard.*

Q2. Bagaimana pula dengan barang yang dihantar melalui pos?

- A2. Perkhidmatan pos domestik dikenakan CBP pada kadar standard. Walaubagaimana pun, dokumen dan barang yang dihantar dari luar negara melalui perkhidmatan kurier ke mana-mana tempat di Malaysia dan sebaliknya dikenakan CBP pada kadar sifar. Sila rujuk panduan CBP berkenaan Perkhidmatan Pos dan Kurier untuk maklumat lanjut.

Q3. Adakah terdapat layanan khas untuk pengangkutan barang yang dibekalkan dalam dan kepada pelabuhan bebas Langkawi, Labuan dan Tioman?

- A3. Tidak ada CBP dikenakan ke atas pembekalan bercukai dalam kawasan pelabuhan bebas yang sama. Bagaimana pun, pembekalan pengangkutan barang melalui laut atau udara untuk destinasi di pelabuhan bebas daripada mana-mana tempat di Malaysia adalah berkadar standard dan begitu juga sebaliknya.

Contoh:

Syarikat FP mengendalikan pengangkutan lori di Pulau Langkawi. Syarikat ini juga menyediakan pengangkutan barang dengan feri dari Jeti Kuah ke Pelabuhan Teluk Ewa. Kadangkala ia juga menyewa kapal terbang swasta untuk menghantar barang ke Tioman.

- *Syarikat FP tidak akan mengenakan CBP ke atas pembekalan pengangkutan barang menggunakan lori dan feri.*

- *Pengangkutan barang dengan kapal terbang ke Tioman adalah berkadar standard.*

Q4. Adakah terdapat layanan khas untuk pengangkutan barang yang dibekalkan dalam dan kepada Zon Perdagangan Bebas (ZPB)?

A4. Layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan pengangkutan barang yang dilakukan di dalam atau ke ZPB adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Q5. Bagaimana pula dengan pengangkutan barang yang dibekalkan dalam dan kepada perniagaan yang beroperasi di Zon Perindustrian Bebas?

A5. Perkhidmatan pengangkutan barang yang dibekalkan dalam dan kepada perniagaan di Zon Perindustrian Bebas (ZIB) adalah berkadar standard. Perkhidmatan pengangkutan barang domestik juga berkadar standard jika dibekalkan kepada Gudang Pengilangan Berlesen.

Q6. Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan menguruskan pengangkutan barang?

A6. Perkhidmatan menguruskan pengangkutan barang adalah berkadar standard sama ada pengangkutan barang adalah untuk tempatan atau antarabangsa.

Contoh :

Pengeksport melantik ejen penghantar untuk mengurus pengeksportan barangnya. Ejen penghantar berurusan dengan ejen perkapalan untuk menempah ruang (fret) di atas kapal, memuatkan barang dan pelepasan kastam.

- *Perkhidmatan yang diurus oleh ejen penghantar bagi pengeksport adalah berkadar standard.*

Q7. Layanan CBP di atas berkaitan dengan output orang yang berdaftar. Bagaimana dengan CBP yang melibatkan input?

A7. Secara umumnya, CBP ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan berkadar standard yang merupakan input perniagaan kepada orang berdaftar yang membuat pembekalan bercukai (berkadar standard atau sifar), termasuk pembekalan yang diketepikan, dibenar diimbangi(*offset*) kepada cukai output yang kena dibayar. Perkhidmatan pengangkutan sokongan dan berkaitan adalah merupakan input kepada pembekal pengangkutan barang dan CBP ditanggung boleh dibenarkan untuk kredit input cukai. Inbois CBP yang sah termasuk resit yang diterima sebagai inbois CBP dipermudahkan hendaklah tersedia sebelum kredit cukai input boleh dituntut. Sila rujuk Panduan Umum CBP dan Panduan Cukai Input Kredit CBP untuk maklumat lanjut berkenaan kelayakan cukai input kredit.

Q8. Apakah layanan CBP jika saya mengeksport barang saya dari Serendah ke Bangkok melalui keretapi?

A8. Pergerakan barang tersebut dari Serendah ke Padang Besar adalah merupakan perkhidmatan pengangkutan barang domestik dan dikenakan CBP pada kadar standard, manakala perjalanan dari Padang Besar ke Bangkok adalah merupakan pengangkutan barang antarabangsa dan dikenakan CBP pada kadar sifar. Bagaimanapun, dalam contoh ini keseluruhan pengangkutan barang itu layak untuk layanan kadar sifar jika peringkat domestiknya dan juga peringkat antarabangsa pengangkutan barang itu disediakan oleh pembekal yang sama seperti KTM Bhd.

MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN CBP

18. Maklumat lanjut untuk membantu anda memahami CBP secara lanjut boleh diperolehi daripada:-

- (i) Lamanweb CBP: www.gst@customs.gov.my
- (ii) Pusat Panggilan Kastam di :
 - Tel : 03 - 7806 7200/ 1-300-88-8500
 - Faks: 03 - 7806 7599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my

GLOSARI

Perkhidmatan pengendalian termasuk:

- (a) Pemungahan dan perkhidmatan porter;
- (b) memuat, memunggah, memuatkan semula, menyimpan, menjaga dan mengalihkan kargo untuk penggunaan kren dan mesin penimbang berat bersama-sama dengan operator;
- (c) menyusun, membuka untuk pemeriksaan, membaiki pulih, menimbang dan *taring*, menampal dan menutup, memadamkan dan menandakan semula, pelabelan dan menomborkan semula, *tallying*, memeriksa, pensampelan, mengukur atau mengukur barangan;
- (d) memeriksa kargo (termasuk kargo yang rosak);
- (e) perkhidmatan keselamatan kargo;
- (f) menyerahkan barangan untuk pemeriksaan Kastam;

- (g) menyediakan atau meminda catatan Kastam; dan
- (h) menyediakan atau meminda bil muatan, bill udara dan sijil penghantaran.